

**NO SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** nyatakan sama adakah satu Jawatankuasa khas yang baru atau new special taskforce telah ditubuhkan untuk menyiasat kes SRC International. Siapakah anggota dalam taskforce tersebut dan bilakah ia mula dan selesai siasatan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat telah sedia maklum, SPRM masih menyiasat berkaitan Pengurusan SRC International seperti mana

yang telah dinyatakan oleh YB Timbalan Menteri semasa jawapan penggulungan Bajet Peringkat Dasar pada 2 November 2016.

Setakat ini tiada keperluan menubuhkan satu ‘taskforce’ baru. Bagi memastikan keadilan dan integriti siasatan ini tidak terganggu, biarlah pihak SPRM melaksanakan tugasnya tanpa sebarang gangguan daripada mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.